Khor Bee Guat lwn Alianz General Insurance Co (M) Bhd

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — RAYUAN SIVIL NO AB-12NCvC-10–10 TAHUN 2017
ASMADI HUSSIN PK
28 NOVEMBER 2018

Insurans — Insurans kemalangan — Tuntutan — Perayu menyaman responden atas keengganan responden sebagai pelindung insurans untuk menunaikan tuntutan perlindungan yang dibuat oleh responden — Sama ada responden memplidkan pembelaan bahawa tuntutan perayu adalah berasaskan fraud — Sama ada kemalangan berlaku seperti keterangan lisan saksi perayu di mahkamah — Sama ada responden berjaya membuktikan tuntutan perayu adalah fraud

Keterangan — Peraturan keterangan parol — Percanggahan antara keterangan bertulis asal dan keterangan lisan di mahkamah

Prosedur Sivil — Pliding — Kegagalan untuk memplid — Sama ada responden memplidkan pembelaan bahawa tuntutan perayu adalah berasaskan fraud

Ini merupakan rayuan perayu atas keputusan mahkamah sesyen yang menolak tuntutan perayu terhadap responden di atas kegagalan responden untuk menunaikan tuntutan perlindungan insurans yang dibuat oleh perayu. Perayu merupakan pemilik motokar bernombor pendaftaran WFT 740 ('motokar tersebut'). Perayu telah membenarkan SP2 menggunakan motorkar tersebut pada bila-bila masa dan merupakan pemandu yang dinamakan dalam polisi insurans yang dibeli daripada responden. Motokar tersebut yang kononnya dipandu oleh SP2 dikatakan terlibat dalam kemalangan jalan raya pada 6 November 2015. Kenderaan tersebut telah dihantar ke Tiang Siang Premium Auto Ipoh ('bengkel itu') dan SP4 yang bekerja dibengkel tersebut menyatakan anggaran pembaikan motokar tersebut adalah RM187,171.51. Responden telah memplidkan bahawa tuntutan perayu amat mencurigakan. SD1 menyatakan bahawa: (a) dalam laporan polis asal SP2 menyatakan beliau memandu SUV bernombor pendaftaran WVD 4448 ('SUV tersebut'), kemudian SP2 telah meminda laporan polis asal dengan mengatakan beliau memandu motokar tersebut; (b) berdasarkan kunci data *condition based service* ('CBS') perjalanan terakhir yang dibuat oleh motorkar tersebut adalah pada 1.18 pagi 7 November 2015 dan tahap minyak dalam tempoh lapan minggu sebelum 7 November 2015 ialah '0' yang menunjukan motokar itu tidak

dipandu sebelum 7 November 2015; (c) cerita SP2 bahawa kemalangan berlaku sewaktu hujan sedangkan gambar yang dibekalkan pihak polis menunjukkan jalan ditempat kejadian adalah kering dan laporan kaji cuaca yang dibekalkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia tidak menyatakan bahawa pada hari kejadian tempat kejadian mengalami hujan; (d) bumbung motokar didapati rosak sedangkan tiada keterangan yang menunjukan bahawa kenderaan itu telah terbalik dengan bumbung di bawah; (e) gambar tempat kejadian menunjukkan kesan seretan dan bukan kesan tergelongsor yang selaras dengan keadaan yang kering; dan (f) gambar tempat kejadian tidak menunjukkan adanya tumpahan *coolant* sedangkan radiator rosak. SD2 pula menyatakan semasa beliau memeriksa kenderaan motokar tersebut, SD2 mendapati bahawa kenderaan itu mengalami kerosakan teruk pada bahagian hadapan yang berbentuk 'V' dan mendapati tiada pemindahan cat dapat dilihat pada motorkar tersebut. SD5 menyatakan bahawa data kenderaan BMW yang tersimpan di dalam kunci motokar BMW, bila kemalangan berlaku, safety battery terminal akan dihidupkan di mana ia akan mematikan kesemua bekalan elektrik kepada sistem elektornik motokar berkenaan dan menghalang pergerakan tidak sengaja motorkar yang boleh mendatangkan kerosakkan tambahan kepada motorkar. Menurut SD5 juga, penggunaan terakhir motorkar tersebut adalah pada 1.18 pagi 7 November 2015 dan data yang diperoleh menunjukan motokar itu tidak dipandu selama satu tahun sebelum 7 November 2015.

Diputuskan, menolak rayuan perayu dengan kos sebanyak RM4,000 tertakluk kepada 4% alokatur:

(1) Meskipun perkataan fraud tidak digunakan oleh responden, apa yang diplidkan responden adalah bahawa tuntutan perayu dicurigai serta bercanggah dengan fakta dan/atau palsu jelas menunjukan responden mendakwa tuntutan perayu dibuat secara tidak jujur atau menyalahi undang-undang yang menjurus kepada suatu tuntutan terjumlah kepada fraud (lihat perenggan 41).

(2) Adalah menjadi prinsip di bawah undang-undang insurans, perayu dan/atau ejennya perlu bertindak dengan niat baik dalam membuat tuntutan insurans dan membuat pendedahan jujur yang penuh (lihat perenggan 43).

(3) SP2 dalam keterangan lisannya di mahkamah mendakwa beliau yang memandu motokar tersebut telah melanggar bahagian belakang SUV tersebut namun kandungan laporan polis yang dibuatnya pula menyatakan beliau memandu SUV tersebut. Berdasarkan 'rule against parol evidence', SP2 tidak boleh mengelak daripada fakta bahawa beliau memandu SUV tersebut dan bukannya motokar tersebut. Di dalam keadaan tersebut, tidak diketahui siapakah pemandu motorkar itu ketika kemalangan itu dikatakan berlaku. Berdasarkan kedudukan itu, perayu

tidak mendedahkan fakta sebenar dengan jujurnya ketika membuat tuntutan di bawah polisi insurans yang dibeli daripada responden yang merupakan suatu pemecahan kepada terma polisi yang mewajarkan responden menolak tuntutan perayu (lihat perenggan 44 & 47–48).

(4) Data CBS yang diambil daripada kunci motorkar tersebut menunjukan motorkar tersebut tidak dipandu selama lapan minggu sebelum 7 November 2015, keterangan ini menunjukan bahawa tidak mungkin motorkar itu dipandu oleh SP2 pada 6 November 2015 jam 9.30 malam. Perayu telah gagal membuktikan kemalangan itu berlaku pada tarikh dan waktu tersebut. Mahkamah bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa responden telah berjaya membuktikan atas imbangan kebarangkalian tuntutan perayu merupakan satu tuntutan fraud (lihat perenggan 49).

[English summary

This was the appellant's appeal against the decision of the sessions court in dismissing the appellant's claim against the respondent on the respondent's failure to fulfil the appellant's insurance protection claim. The appellant was the owner of a car bearing registration No WFT 740 ('the said car'). The appellant had allowed SP2 to use the said car at any time and was the named driver in the insurance policy that was bought from the respondent. The said car that was allegedly driven by SP2 was involved in a car accident on 6 November 2015. The said car was sent to Tiang Siang Premium Auto Ipoh ('the said workshop') and SP4 who was working at the said workshop stated that the estimate for the repairs of the said car was RM187,171.51. the respondent had pleaded that the appellant's claim was very suspicious. SD1 stated that: (a) in the original police report SP2 stated that he was driving an SUV bearing registration No WVD 4448 ('the said SUV'), thereafter SP2 had amended the original police report by stating that he was driving the said car; (b) based on the condition based service data key ('CBS') the last trip that was made by the said car was at 1.18am on 7 November 2015 and the fuel level within the period of eight weeks was '0' which showed that the said car was not driven prior to 7 November 2015; (c) SP2's story that the accident happen during rain whilst the photos that was supplied by the police showed the road at the place of the incident is dry and the weather report supplied by the Malaysian Metrological Department did not state that there was rain on the day of the incident at the place of incident; (d) the roof of the car was found to be damaged where in fact there was no evidence to show that the said car was overturned; (e) the photos of the scene showed drag marks and not skid marks which is consistent with dry conditions; and (f) the photographs of the scene did not show there was a coolant spill where in fact the radiator was damaged. SD2 also stated that while he was examining the said car, SD2 found that the vehicle had sustained severe damage on the front portion in a 'V' shape and found there was no paint transfer that could be seen on the said car. SD5 stated

that the BMW vehicle data that is stored in the key of a BMW car, when an accident has occurred, the safety battery terminal would be activated where it will terminate all electric supply to the said car's electronic systems and stop unintended movement of the car that would bring additional damage to the car. According to SD5, the last time the car was used was 1.18am on 7 November 2015 and the data that was obtained showed that the said car was not driven for a period of one year prior to 7 November 2015.

Held, dismissing the appellant's appeal with costs of RM4,000 subjek to 4% allocatur:

(1) Even though the word fraud was not used by the respondent, what were pleaded by the respondent was that the appellant's claim is suspect and contradictory to the facts and/or false clearly shows that the respondent claims that the appellant's claim was made dishonestly or illegally which amounted to be a fraudulent claim (see para 41).

(2) It is a principle in insurance law, that the appellant and/or his agent should act in good faith in making insurance claims and make full and frank disclosure (see para 43).

(3) SP2 in his oral evidence in court claimed that he was driving the said car which ran into the rear of the said SUV however the contents of the police report that he made stated that he was driving the said SUV. Based on the rule against parole evidence, SP2 could not avoid from the fact that he was driving the said SUV and not the said car. In that circumstance, it is unknown as to who is the driver of the said car during the time which the accident is said to have happened. Based on the position, the appellant did not disclose the true facts honestly when making a claim under the insurance policy that was bought from the respondent which amounted to a breach of the terms of the policy which justified the respondent dismissing the appellant's claim (see paras 44 & 47–48).

(4) The CBS data that was taken from the key of the said car showed that the said car was not driven eight weeks prior to 7 November 2015, this evidence shows that it is impossible that the said car was driven by SP2 on 6 November 2015 at 9.30pm. The appellant had failed to prove that the accident occurred on the said date and time. The court agrees with the finding of the trial judge that the respondent had succeeded in proving, on a balance of probabilities that the appellant's claim was a fraudulent one (see para 49).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai insurans kemalangan secara am, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1–19

Untuk kes-kes mengenai kegagalan untuk memplid, lihat 2(4) *Mallal's Digest*

(5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 7482–7490.
Untuk kes-kes mengenai peraturan keterangan parol secara am, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 2512–2643.

Kes-kes yang dirujuk

AXA Affin General Insurance Bhd v ALW Car Workshop Sdn Bhd [2017] 2 MLJ 101; [2017] 2 CLJ 163, MR (dirujuk)
Ah Mee v PP [1967] 1 MLJ 220; [1967] 1 LNS 3, MP (dirujuk)
Ahmad Najib bin Aris v PP [2009] 2 MLJ 613; [2009] 4 AMR 473, MP (dirujuk)
American Home Assurance Co v Nalin Industries Sdn Bhd [1993] 2 MLJ 409; [1993] 3 CLJ 319, MA (dirujuk)
Gnanasegaran a/l Pararajasingam v PP [1997] 3 MLJ 1, MR (dirujuk)
Hanafi bin Mat Hassan v PP [2006] 4 MLJ 134, MR (dirujuk)
Janagi v Ong Boon Kiat [1971] 2 MLJ 196 (dirujuk)
Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein [1999] 5 MLJ 172; [1998] 1 LNS 364, MT (dirujuk)
McLaren Saksama (M) Sdn Bhd v Hong Leong Bank Bhd [2014] 7 MLJ 104; [2013] 5 CLJ 810, MT (dirujuk)
Ngo King Tong v Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Bhd & Anor [2014] 2 CLJ 997, MT (dirujuk)
Rozanes v Bowen [1928] 2 Lloyds Rep 98, MR (dirujuk)
Saiman Umar v Lembaga Pertubuhan Peladang [2016] 1 ILR 273, MPh (dirujuk)
Samar Binte Mansor v Mustafa Kamarul Ariffin [1974] 2 MLJ 71; [1974] 1 LNS 147, MP (dirujuk)
Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v Damai Setia Sdn Bhd [2015] 5 MLJ 1, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 45, 90A, 90A(6), 91, 92, 114(g)
Road Traffic Rules 1959 r 10

Suria Kumar (DJ Paul dan Renuka a/p Paspanathan bersamanya) (B Mohan, Raveen & Partners) bagi pihak perayu.
Leslie Bala (Yong Che Hong bersamanya) (Othman Hashim & Co) bagi pihak responden.

Asmadi Hussin PK:

LATAR BELAKANG

[1] Perayu merupakan plaintif di dalam Guaman Sivil Mahkamah Sesyen Taiping No 53KJ-179–12–12 Tahun 2016 ('guaman sivil itu'). Perayu selaku pemilik motokar jenis BMW model 740LI (A) bernombor pendaftaran WFT

740 ('motokar itu') telah menyaman responden (defendan di dalam guaman itu) atas keengganan responden sebagai pelindung insurans untuk menunaikan tuntutan perlindungan insurans yang dibuat oleh perayu ke atas motokar itu yang terlibat dengan satu kemalangan jalan raya ('kemalangan itu') pada 6 November 2015 seputar jam 9.30 malam ('hari kejadian') di KM 26, Jalan Taiping-Selama, Perak ('tempat kejadian'). Di akhir kes, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('hakim bicara') telah menolak tuntutan perayu. Perayu yang terkilan terhadap keputusan hakim bicara merayu ke mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan hakim bicara.

[2] Bagi kemudahan rujukan, di dalam alasan penghakiman ini, pihak-pihak akan disebut sebagaimana kedudukan mereka di Mahkamah Sesyen Taiping.

TUNTUTAN PLAINTIF

[3] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak plaintif adalah seperti berikut. Di dalam keterangannya, plaintif (SP1) menyatakan bahawa motokar itu dibeli dengan kemudahan pinjaman sewa beli yang diberikan oleh Hong Leong Bank. Bayaran balik pinjaman sewa beli ialah RM1,632 sebulan yang berterusan dibayar oleh plaintif. Menurut plaintif lagi, sebagai balasan kepada premium sebanyak RM6,310.05 yang dibayar oleh plaintif, bermula 10 September 2015 defendan telah mengeluarkan polisi insurans komprehensif melalui ECover Note No AEKL0446949 No Akaun KL 18791 bagi motokar itu untuk tempoh 10 September 2015–9 September 2016 dengan jumlah perlindungan sebanyak RM193,000. Plaintif membenarkan abangnya, Jufri Khor bin Abdullah ('SP2') menggunakan motokar itu pada bila-bila masa dan telah menambahkan nama SP2 sebagai pemandu yang dinamakan (*named driver*) di dalam polisi insurans yang dibeli daripada defendan. Pada hari kejadian, motokar itu dipandu oleh SP2 daripada Taiping menuju ke Betong, Thailand. Setibanya di tempat kejadian, kononnya SP2 seekor 'binatang' dikatakan telah melintas di hadapan motokar itu. SP2 segera menekan brek untuk memperlahankan motokar itu. Dalam masa yang masa, SP2 terdengar bunyi yang kuat daripada arah belakang motokar itu yang dipandunya. Motokar itu tersadai di dalam lopak air. SP2 yang mengalami kecederaan berjaya keluar daripada motokar itu. SP2 mendakwa sebuah motokar lain, iaitu motokar jenis Lexus bernombor WVD 4448 ('SUV itu') telah melanggar motokar itu daripada belakang.

[4] Akibat kemalangan itu, motokar itu mengalami kerosakan teruk. Kerosakan motokar itu adalah seperti berikut:

(a) bonet hadapan kemek;

(b) bumper hadapan pecah;

(c) *air bag* pecah;

(d) bahagian bumbung kemek;

(e) cermin hadapan dan belakang pecah; dan

(f) enjin kemek dan dimasuki air.

[5] Menurut Insp Nanthakumar Gohpal ('SP3'), pegawai penyiasat trafik yang menyiasat kemalangan itu, setelah menerima maklumat bersabit kemalangan itu, beliau terus bergegas ke tempat kejadian. Beliau sampai di tempat kejadian jam 11.45 malam. Terdapat empat laporan polis dibuat bersabit kemalangan itu. Laporan-laporan polis tersebut adalah seperti berikut:

(a) Repot No 6695/15 dibuat pada 7 November 2015 jam 3.30 petang;

(b) Repot No 6697/15 dibuat pada 7 November 2015 jam 4.36 petang;

(c) Repot No 6707/15 dibuat pada 7 November 2015 jam 11.45 malam; dan

(d) Repot No 6708/15 dibuat pada 7 November 2015 jam 11.58 malam.

[6] Menurut SP3, kerosakan SUV itu adalah seperti berikut:

(a) bumper belakang pecah;

(b) bahagian belakang kemek;

(c) lampu belakang pecah;

(d) bahagian depan sebelah kanan termasuk lampu pecah; dan

(e) bumper depan sebelah kanan pecah.

[7] Pemandu SUV itu ialah seorang bernama Khor Boon Keong. SP3 di dalam keterangannya juga menyatakan SP2 telah disaman atas kesalahan di bawah r 10 LN 166/59 berkait kemalangan ini. Saman telah dijelaskan oleh SP2.

[8] Pada 3 Disember 2015, motokar itu telah dihantar ke Tiang Siang Premium Auto Ipoh ('bengkel itu') yang merupakan *franchise holder* bagi tujuan untuk menjalankan tuntutan insurans bagi kos pembaikian dengan syarikat insurans yang melindungi kenderaan tersebut di bawah polisi yang dibeli bagi motokar itu. SP4, Ng Seiw Mun, adalah *Body* and *Part Advisor.* SP4 bukanlah orang yang menyediakan anggaran kos pembaikian motokar itu. Namun, sebagai pekerja bengkel itu SP4 telah mengemukakan kos anggaran pembaikian motokar itu yang berada di dalam rekod simpanan bengkel itu. Kos anggaran pembaikian motokar itu ialah RM187,171.51.

[9] Bengkel itu telah memajukan borang tuntutan lnsurans motokar itu kepada defendan melalui *system computer* yang dikenali sebagai *Merimen* bagi tujuan defendan memproses tuntutan plaintif sebagai *own damage insurance claim.*

[10] Defendan melalui surat peguamcaranya bertarikh 22 September 2016 telah menolak tuntutan plaintif. Memandangkan defendan menolak tuntutan plaintif, bengkel itu tidak membaiki motokar itu. Motokar itu sehingga ke tarikh perbicaraan masih berada di bengkel itu. Menurut SP4, bengkel itu mengenakan caj simpanan (*storage charges*) pada kadar RM30 sehari bermula daripada tarikh motokar itu dihantar ke bengkel itu. Caj simpanan masih berjalan.

[11] Selain daripada menuntut caj simpanan, plaintif juga mendakwa beliau kehilangan penggunaan motokar itu (*loss of use*) pada kadar RM100 sehari bermula 3 Disember 2015 sehingga ke tarikh defendan membayar jumlah perlindungan yang diinsuranskan dan juga caj menarik motokar itu daripada tempat kejadian ke Balai Polis Trafik Taiping dan seterusnya daripada balai itu ke bengkel itu berjumlah RM750.

[12] Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk jumlah berikut:

(a) wang yang diinsuranskan berjumlah RM193,000;

(b) atau alternatifnya jumlah wang sebanyak RM187,171.51;

(c) ganti rugi khas untuk kerugian-kerugian sampingan;

(d) faedah pada kadar 5% setahun atas jumlah penghakiman bermula daripada 6 November 2015 sehingga ke tarikh penyelesaian penuh;

(e) kos;

(f) faedah pada kadar 5% setahun atas jumlah kos daripada tarikh penghakiman sehingga penyelesaian sepenuhnya; dan

(g) lain-lain relif yang dianggap adil dan suaimanfaat oleh mahkamah.

VERSI DEFENDAN

[13] Secara ringkasnya, defendan memplidkan di dalam penyataan pembelaan bahawa tuntutan plaintif amat mencurigakan. Untuk membuktikan pembelaan itu, defendan telah memanggil lima orang saksi.

[14] Tang Chee Weng (SD1) ialah seorang *loss adjuster* yang berkhidmat dengan CS Tang Adjuster Sdn Bhd ('CSTA'). Beliau mempunyai 20 tahun pengalaman sebagai *loss adjuster.* SD1 yang menyiasat tuntutan plaintif telah menyediakan satu laporan yang dikenali sebagai *loss adjuster final report*

(eksh D20). Beliau telah menemubual SP2 semasa menjalankan siasatan berkait dengan tuntutan plaintif. SD1 menyatakan di dalam penyata saksinya seperti berikut:

> According to the interview and statement given by the insured driver, the alleged occurred on 6.11.2015 at about 9.30 pm along KM 26, Jalan Taiping-Selama. He drove the insured vehicle which collide into the third party vehicle and he claimed that he did not know the 3rd party driver.
>
> He managed to come out from his vehicle and suffered no external injuries but had chest, shoulder, hip and body pain.

[15] Menurut SD1, di dalam laporan polis asal, SP2 menyatakan beliau memandu SUV itu, Kemudian, SP2 meminda laporan polis asal dengan mengatakan beliau memandu motokar itu. Tetapi, pindaan tersebut hanya melibatkan nombor kenderaan yang dipandu oleh SP2, namun kandungan lain laporan asal tidak berubah. Kesangsian SD1 terhadap tuntutan plaintif diperkuatkan lagi dengan penemuan fakta berikut oleh SD1.

[16] Menurut SD1, siasatan ke atas kunci data *condition based service* ('CBS') bertempat di bengkel itu pada 21 Disember 2015 jam 8.42 pagi menunjukkan perjalanan terakhir yang dibuat oleh motokar itu ialah pada 1.18 pagi 7 November 2015. Bacaan pada unit paparan (*odometer*) tahap minyak dalam tempoh lapan minggu sebelum 7 November 2015 ialah '0' yang menunjukkan motokar itu tidak dipandu sebelum 7 November 2015. SD1 juga mendapati cerita SP2 bahawa kemalangan itu berlaku sewaktu hujan sedangkan gambar yang dibekalkan oleh pihak polis menunjukkan jalan di tempat kejadian adalah kering dan laporan kaji cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia juga tidak menyatakan pada hari kejadian tempat kejadian mengalami hujan, apatah lagi hujan lebat. SD1 juga mendapati bahagian bumbung motokar itu rosak, sedangkan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa motokar itu telah terbalik dengan bumbung di bawah (*overturn*). Di samping itu gambar tempat kejadian menunjukkan kesan seretan (*drag marks*) dan bukannya kesan tergelongsor (*skid mark*) yang selaras dengan keadaan jalan yang kering. Akhir sekali, gambar tempat kejadian tidak menunjukkan adanya tumpahan *coolant* sedangkan radiator rosak. *Coolant* yang tumpah boleh bertindak balas bila terkena cahaya daripada kamera.

[17] Mak Kok Hoong ('SD2') merupakan seorang *insurance adjuster* yang berkerja di TL Giam Adjusters Sdn Bhd. Pada masa yang material SD2 bertugas dengan CSTA. Menurut SD2, harga pasaran motokar itu semasa kemalangan ialah RM110,000. SD2 telah menyediakan satu laporan yang dikenali sebagai *vehicle damage inspection report* (eksh D22) bertarikh 31 Disember 2015 setelah memeriksa motokar itu di bengkel itu. SD2 telah mengambil gambar motokar itu (eksh D23 AZA) semasa menjalankan siasatan dan mendapati motokar itu mengalami kerosakan teruk pada bahagian

hadapan yang berbentuk 'V'. SD2 mendapati tiada sebarang pemindahan cat dapat dilihat kepada motokar itu.

[18] Saksi ketiga defendan Rajakopal a/l Arumugam ('SD3') ialah pegawai tuntutan defendan. Sebelum bertugas dengan defendan, SD3 merupakan pegawai kanan polis selama 40 tahun. Tugas SD3 termasuklah membuat analisis tuntutan frod yang dibuat oleh pihak yang diinsuranskan. Menurut SD3, defendan telah melantik CSTA untuk menyiasat tuntutan plaintif. Keterangan SD3 adalah sama seperti laporan yang dibuat SD1 dan SD2.

[19] SD3 di dalam keterangannya juga menyatakan laporan polis yang dibuat oleh seseorang pengadu akan dimasukkan ke dalam *police reporting system* ('PRS') Menurut SD3, apabila seseorang pengadu selesai membuat laporan polis, anggota polis yang mengambil laporan akan membaca semula laporan yang dibuat kepada pengadu dan pengadu dikehendaki memastikan butiran di dalam aduan yang dibuat adalah benar. Sekiranya, terdapat kesilapan, laporan polis akan diperbetulkan, sebelum dicetak keluar untuk tandatangan pengadu. Sekiranya, terdapat kesilapan adalah menjadi tanggungjawab pengadu untuk membuat laporan pembetulan. Tambah SD3 lagi, laporan polis tidak boleh diperbetulkan selepas saman dibayar oleh orang kena saman.

[20] Yap Choon Keat ('SD4'), seorang *service advisor* merupakan saksi keempat defendan. Pada masa yang material SD4 bekerja di bengkel itu. SD4 telah mengemukakan data CBS (eksh D24) yang dikeluarkannya daripada motokar itu. Antara keterangan SD4 yang relevan adalah seperti berikut:

> LLB: Muka surat 16 dan 17 Bundle D, D24 Yang Arif, saya tidak akan tanya soalan 6 hingga 12. Saya ada dua soalah tambahan. Now, Nr Yap, please look at page 16, D24. This is called D24. Please look at this colum here, service data CBS. And if you go parallel like this, it says average. So at the middle of this document there is this service data CBS. Beside it is last key update. 07.11.2015. Now please explain to the Court what is this mean?
>
> YAP: Ok, so on this average mileage, so it is showing zero and the last key update is on 11.07.2015. So that means this car is eight weeks doesn't move during the last key update.
>
> LLB: Eight weeks from which date?
>
> YAP: Eight from,
>
> LLB: 07.11.2015?
>
> YAP: Yes.
>
> LLB: Next page please, page 17. Now I want to go right to the bottom of the page. It says there Dynamic Vehicle Data and tank full. Can you please tell the Court what is the reading there?

YAP: 0.0 litre.

LLB: So it is 0.0 litre, not 1?

YAP: 1 means litre.

HAKIM: 0.0 1?

LLB: 1, yes. So this 0.0 1 from which date?

YAP: The last key update is on 11.07.2015.

LLB: When you say 11/7, it is 07.11.2015. You have to say, we are using 7 November.

YAP: Yes

LLB: So, 0.0 is on the key update lah, 07.11.2015?

YAP: Yes.

LLB: Alright, So it means that the tank was empty on this date YAP: Empty.

LLB: Next question. Could there be a reserve for this.

YAP: No.

[21] Saksi terakhir defendan ialah Mohd Arif bin Mohamad ('SD5'). SD5 merupakan seorang *technical support engineer* yang bekerja dengan BMW Malaysia Sdn Bhd. SD5 mempunyai ijazah di dalam bidang *Mechatronic Engineering*. Tugas SD5 ialah menyelesaikan masalah yang dirujuk oleh pengedar (*dealers*) kereta BMW dan MINI. Bagi masalah yang kompleks, SD5 sendiri akan pergi memeriksa kenderaan yang terbabit. Menurut SD5, data kenderaan BMW yang tersimpan di dalam kunci motokar BMW. Bila kunci motokar BMW dibaca dengan menggunakan *BMW key reader,* data yang terkandung di dalam kunci akan dipaparkan di *key reader system.* Data yang diperolehi bukan sahaja mengenai rekod penyelenggaran motokar berkenaan, tetapi juga penggunaan motokar tersebut.

[22] Menurut SD5 lagi, bila berlaku kemalangan, *safety battery terminal* akan dihidupkan di mana ia akan mematikan kesemua bekalan elektrik kepada sistem elektronik motokar berkenaan. Tindakan itu akan menghalang pergerakan tidak sengaja motokar yang boleh mendatangkan kerosakan tambahan kepada motokar dan mencegah kebakaran daripada berlaku.

[23] Data daripada CBS boleh diperolehi daripada *BMW centralise record* (eksh D25). Bila pengedar bertauliah BMW membaca data daripada kunci motokar BWM, data tersebut akan dipancarkan (*transmitted*) kepada *BMW centralise record* di ibu pejabat BMW Malaysia. Menurut SD5, penggunaan terakhir motokar itu ialah pada 1.18 pagi 7 November 2015. Data yang

diperolehi itu menunjukkan motokar itu tidak dipandu selama satu tahun sebelum 7 November 2015.

ALASAN PENGHAKIM HAKIM BICARA

[24] Hakim bicara di dalam memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan kesnya atas imbangan kebarangkalian memberikan alasan-alasan berikut. Berdasarkan keterangan yang diberikan semasa perbicaraan, hakim bicara memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan kemalangan berlaku pada masa dan tarikh seperti yang didakwa oleh plaintif. Data daripada CBS motokar itu menunjukkan motokar itu digunakan pada jam 1.18 pagi 7 November 2015 dan data itu tidak boleh diubahsuai. Hakim bicara telah menerima keterangan yang diberikan oleh SD4 dan SD5 mengenai fakta tersebut. Fakta itu menolak dakwaan SP2 bahawa beliau memandu motokar itu ke Thailand ketika kemalangan itu dikatakan berlaku.

[25] Dapatan hakim bicara bahawa tidak mungkin motokar itu dipandu oleh SP2 ketika kemalangan disokong oleh fakta berikut. Di dalam laporan polis asal (ID15), SP2 menyatakan beliau memandu SUV itu dan bukannya motokar itu. Khor Boon Keong pula di dalam laporan asal beliau (eksh 10) menyatakan beliau memandu motokar itu dan bukannya SUV itu. Pada jam 11.45 dan 11.58 malam 7 November 2015, SP2 dan Khor Boon Keong datang semula untuk meminda laporan polis masing-masing. Di dalam laporan pembetulan, pindaan yang dibuat adalah terhadap nombor kenderaan yang dipandu mereka, SP2 memandu motokar itu, sementara Khor Boon Keong memandu SUV itu, dan kandungan lain laporan polis masing-masing tidak berubah.

[26] Kandungan laporan polis SP2 dan Khor Boon Keong tentang bagaimana kemalangan itu berlaku yang tidak berubah menjadikan kandungan kedua-dua laporan polis itu suatu yang tidak masuk akal.

[27] SP3 telah memberi penjelasan bahawa kesilapan itu dilakukan oleh anggota pejabat pertanyaan bernama Meor Ramlee yang mengambil laporan asal yang dibuat oleh SP2 dan Khor Boon Keong. Memandangkan anggota tersebut tidak dipanggil sebagai saksi, anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 dibangkitkan terhadap plaintif. SP3 telah boleh memberi penjelasan bagi pihak Meor Ramlee.

[28] Selanjutnya, hakim bicara mendapati kerosakan pada bahagian hadapan motokar itu menyokong keterangan yang diberikan oleh saksi defendan, iaitu SD1 dan SD3 bahawa kesan 'V' tidak terdapat pada SUV itu, tiada kesan pemindahan cat pada motokar itu, mekanisma yang ada pada

motokar itu akan menyekat motokar itu daripada bergerak apabila brek ditekan dan tidak mungkin boleh bergerak lalu jatuh ke dalam lopak dan tiada tumpahan *coolant* di tempat kejadian sedangkan radiator telah pecah.

[29] Hakim bicara memutuskan bahawa kegagalan plaintif memanggil pemandu trak penunda (*tow truck*) yang dikatakan menarik motokar itu plaintif. Bila SD1 menghubungi pemandu trak penunda itu untuk ditemuduga, beliau memberi memberi alasan beliau sibuk. Peguamcara plaintif pula memberi alasan pihaknya tidak berhasrat untuk memanggil pemandu trak penunda itu atas alasan beliau baru sahaja menjalani pembedahan. Namun, peguamcara plaintif gagal mengemukakan apa-apa laporan perubatan untuk menyokong dakwaan bahawa pemandu trak penunda itu mengalami masalah kesihatan untuk hadir ke mahkamah. Kegagalan plaintif untuk memanggil dua saksi lain turut mengundang anggapan bertentangan dibangkitkan terhadap plaintif oleh hakim bicara. Saksi tersebut ialah sepupu SP2 yang dikatakan bergerak di dalam sebuah motokar lain untuk ke Thailand bersama SP2 dan Khor Boon Keong, pemandu SUV itu yang tinggal di Taiping. Kelemahan di dalam kes plaintif diparahkan lagi dengan siasatan SP3 yang lemah. Di dalam rajah kasar dan kunci (eksh 17 dan P17K) yang dibuat oleh SP3, SP3 gagal untuk menandakan kedudukan serpihan kesan kemalangan dan motokar itu serta SUV itu yang dikatakan masih berada di kedudukan asal. Tetapi, di dalam rajah kasar SP3 mencatitkan 'KENDERAAN TELAH DIALIHKAN DARI TEMPAT KEJADIAN'.

[30] Hakim bicara juga memutuskan bahawa tuntutan untuk diberi tanggung rugi di bawah polisi insurans memerlukan penuntut bertindak dengan *'utmost good faith'* dan tidak membuat tuntutan palsu (*AXA Affin General Insurance Bhd v ALW Car Workshop Sdn Bhd* [2017] 2 MLJ 101; [2017] 2 CLJ 163). Daripada keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan defendan telah berjaya membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa tuntutan plaintif terbukti suatu frod.

MEMORANDUM RAYUAN DAN HUJAHAN PLAINTIF

[31] Adahlah dihujahkan oleh peguamcara plaintif bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila memutuskan kes di hadapanya bertentangan dengan pembelaan defendan. Di dalam pembelaannya defendan sekadar memplidkan bahawa, 'Oleh itu defendan tidak dapat membuat kesimpulan (conclude) terhadap tuntutan plaintif). defendan tidak pernah memplidkan tuntutan Plaintif suatu frod, kenderaan mana yang melanggar kenderaan satu lagi, dan motokar itu tidak bergerak dan tahap minyak adalah '0' (lapan) minggu sebelum 7 November 2015'. Tindakan hakim bicara itu bertentangan dengan nas yang mantap bahawa pihak-pihak terikat dengan pliding masing-masing

(*Janagi v Ong Boon Kiat* [1971] 2 MLJ 196; dan *Saiman Umar v Lembaga Pertubuhan Peladang* [2016] 1 ILR 273).

[32] Hakim bicara juga terkhilaf di perenggan (2) alasan penghakiman (ms 11 rekod rayuan (RR) tambahan) dengan menyatakan plaintif adalah pemandu motokar itu, sedangkan pemandu sebenar ialah SP2. Selanjutnya, di perenggan (6) alasan penghakiman (ms 12–13 RR tambahan) hakim bicara telah menurunkan empat isu yang dikemukakan untuk diputuskan semasa perbicaraan sedangkan pihak-pihak gagal mencapai isu yang dipersetujui untuk dibicarakan. Isu nombor (iii), iaitu frod tidak pernah diplidkan oleh defendan. Malahan jumlah tuntutan plaintif sebanyak RM478,261.02 di dalam isu nombor (iv) adalah salah. Tuntutan plaintif ialah untuk jumlah RM187,171.51 sahaja. Kekhilafan hakim bicara yang selanjutnya ialah apabila hakim bicara menyatakan plaintif memanggil seramai dua orang saksi dan defendan pula mengemukakan tiga orang saksi, Sebenarnya, plaintif dan defendan memanggil empat dan lima orang saksi masing-masingnya. Kegagalan hakim bicara menyatakan fakta yang betul menimbulkan tanda tanya sama ada hakim bicara telah benar-benar menimbangkan keterangan dan fakta kes di hadapannya sebelum membuat keputusan.

[33] Hakim bicara juga merujuk kepada undang-undang yang salah semasa menolak keterangan SP2 dan SP3 berkenaan pindaan kepada laporan polis SP2 dan Khor Boon Keong. Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 yang dirujuk oleh hakim bicara adalah berkenaan dengan kebolehterimaan dokumen yang dijana oleh komputer dan tidak relevan kepada isu meminda fakta di dalam laporan polis melalui keterangan lisan.

[34] Hakim bicara juga terkhilaf apabila menerima ekshs D24 dan D25 sebagai keterangan tanpa sebarang perakuan di bawah s 90A Akta Keterangan 1950 untuk mengesahkan bahawa komputer yang mencetak bacaan CBS tersebut ditandatangani oleh orang yang kebiasaannya bertanggungjawab untuk mengendalikan operasi komputer tersebut atau untuk perjalanan aktiviti-aktiviti harian komputer tersebut (*Ahmad Najib bin Aris v Public Prosecutor* [2009] 2 MLJ 613; [2009] 4 AMR 473).

[35] Hakim bicara juga telah terkhilaf menerima keterangan SD5 sebagai saksi pakar di bawah s 45 Akta Keterangan 1950 sedangkan umur SD5 begitu muda, iaitu 32 tahun dan tiada sebarang sijil kelayakan dikemukakan di dalam bidang pengkhususannya. Tambahan pula, inilah kali pertama SD5 memberi keterangan di mahkamah berkenaan bacaan CBS. Sementelah pula, defendan tidak pernah meminta laporan pakar daripada BMW Malaysia Sdn Bhd. Keterangan SD5 dihujahkan merupakan suatu pemikiran semula bagi menjelaskan keterangan SP4 dan SD4 berkenaan bacaan CBS yang tidak menyebelahi defendan.

[36] Defendan juga telah gagal mengemukakan dokumen bagi menyokong keterangan saksi defendan berkait *full diagnosis report,* bacaan taburan hujan pada hari kejadian dan pembacaan data di dalam simpanan pihak BMW Malaysia Sdn Bhd serta temubual yang dikatakan diberikan oleh SP2 kepada SD1. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut mewajarkan dibangkitkan anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 (*Ngo King Tong v Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Bhd & Anor* [2014] 2 CLJ 997; *McLaren Saksama (M) Sdn Bhd v Hong Leong Bank Bhd* [2014] 7 MLJ 104; [2013] 5 CLJ 810).

[37] Hakim bicara juga dikatakan terkhilaf apabila bergantung kepada alasan yang diberikan SD3 yang bersandar kepada laporan penyelaras eksh D20 di dalam menolak tuntutan plaintif, sedangkan di dalam laporan penyeleras tidak menyebut tentang kerosakan bentuk 'V', tiada kesan pemindahan cat, motokar itu mempunyai mekanisma untuk menghalang motokar itu daripada terus bergerak selepas pertembungan dan ketiadaan kesan *coolant* di tempat kejadian.

[38] Hakim bicara juga telah terkhilaf apabila memutuskan bahawa plaintif gagal membuktikan kenderaan mana yang melanggar kenderaan yang satu lagi, sedangkan tuntutan plaintif ialah terhadap insurans sendiri bagi perlindungan insurans yang dibeli daripada defendan. Isu kenderaan mana yang melanggar kenderaan yang satu lagi adalah tidak relevan. Tuntutan plaintif bukan di bawah tort kecuaian di dalam kemalangan jalan raya, tetapi berdasarkan kepada pemecahan kontrak di bawah polisi yang dibeli apabila defendan enggan menanggung rugi plaintif akibat kemalangan itu. Oleh itu, hakim bicara telah terkhilaf di dalam membangkitkan anggapan bertentangan ke atas plaintif atas kegagalan memanggil pemandu trak penunda, sepupu SP2 dan Khor Boon Keong sebagai saksi plaintif. Keterangan SP2 dan SP3 dengan jelas membuktikan kemalangan itu yang melibatkan motokar itu benar-benar berlaku.

[39] Hakim bicara juga dikatakan telah gagal untuk menimbang fakta bahawa defendan tidak pernah membuat apa-apa laporan polis mengenai dakwaan tuntutan secara penipuan yang dikatakan dilakukan oleh plaintif dan tiada sebarang laporan forensik dikemukakan untuk menyokong dakwaan defendan.

[40] Akhir sekali dihujahkan bahawa hakim bicara telah terkhilaf di dalam memutuskan defendan berhak menolak tuntutan plaintif atas dakwaan pemecahan terma polisi, sedangkan defendan telah gagal memplidkan di dalam penyataan pembelaan tuntutan plaintif wajar ditolak atas alasan kejadian itu terjatuh di bawah pengecualian di bawah polisi (*the event comes under certain exemption*) yang mana tugas itu terletak di bahu defendan

(*American Home Assurance Co v Nalin Industries Sdn Bhd* [1993] 2 MLJ 409; [1993] 3 CLJ 319). Malahan, defendan langsung tidak membuat hujahan di bawah pengecualian mana di bawah terma polisi tuntutan plaintif ditolak.

ANALISA DAN DAPATAN MAHKAMAH INI

Sama ada defendan memplidkan pembelaan tuntutan plaintif suatu tuntutan berasaskan frod

[41] Setelah mentelaah penyataan pembelaan defendan, mahkamah ini mendapati hujahan peguamcara plaintif bahawa defendan telah gagal memplidkan tuntutan plaintif merupakan suatu tuntutan palsu/frod adalah tidak berasas. Meskipun, perkataan 'frod' tidak digunakan oleh defendan, apa yang diplidkan oleh defendan bahawa tuntutan plaintif dicurigai serta bercanggah dengan fakta dan/atau palsu jelas menunjukkan defendan mendakwa tuntutan plaintif dibuat secara tidak jujur ataupun secara menyalahi undang-undang yang menjurus kepada suatu tuntutan terjumlah kepada frod. Bahagian yang relevan di dalam penyata pembelaan defendan seperti berikut:

> 11. Secara alternatifnya, Defendan menyatakan bahawa Plaintif dan/atau agen dan/atau pengkhidmatnya, Jufri Khor bin Abdullah, telah memberikan fakta-fakta yang bercanggah dan/atau palsu jikalau dibandingkan dengan hasil penyiasatan pihak penyiasat/penyelaras yang dilantik oleh Defendan terhadap kemalangan yang didakwa tersebut.
>
> 12. Oleh itu, Defendan tidak dapat membuat kesimpulan ('conclude') terhadap tuntutan Plaintif.
>
> *BUTIR-BUTIR YANG MENIMBULKAN KECURIGAAN DEFENDAN TERHADAP TUNTUTAN PLAINTIF DAN/ATAU TUNTUTAN PALSU PLAINTIF BERBANDINGKAN HASIL SIASATAN PIHAK PENYIASAT/PENYELARAS DEFENDAN*
>
> (a) Bacaan CBS kunci kenderaan menunjukkan bahawa bacaan maklumat terakhir adalah pada 7 November 2015 jam 1.18 pagi. Manakala kemalangan yang dilaporkan oleh Jufri Khor bin Abdullah adalah didakwa berlaku pada 6 November 2015 jam lebih kurang 9.30 malam;
>
> (b) Hasil siasatan pihak penyiasat/penyelaras memdedahkan bahawa pembacaan minyak yang tertera di kenderaan tersebut menunjukkan '0' dan/atau kosong;
>
> (c) Hasil siasatan pihak penyiasat/penyelaras tidak menjumpai sebarang 'coolant' di lokasi kemalangan yang didakwa tersebut;
>
> (d) Bahagian hadapan kenderaan tersebut menunjukkan kerosakan bentuk 'V' yang bermakna bahawa kenderaan tersebut mungkin telah melanggar sebuah objek yang mempunyai sudut yang tajam sepertimana bahagian belakang kenderaan No. WVD 4448 yang juga menunjukkan kerosakan bentuk 'V';

(e) Tiada sebarang bukti pemindahan cat yang telah dilihat diantara kenderaan tersebut dengan motokar No. WVD 4448;

(f) Trasnmisi kereta jenama BMW akan berhenti serta merta ('seize') apabila berlakunya satu kemalangan dan seharusnya ditetapkan semula ('reset') untuk mengguna semula kereta. Oleh itu, kenderaan tersebut tidak seharusnya bergerak lagi serta terbabas dan masuk ke parit/longkang sepertimana yang dinyatakan oleh Jufri Khor bin Abdullah.

(g) Menurut kajian cuaca pada 6 November 2015 oleh Jabatan Meteorologi Malaysia menunjukkan tiada sebarang hujan direkodkan pada setiap masa material kemalangan yang didakwa tersebut. Gambar-gambar kemalangan juga menunjukkan keadaan jalan yang kering;

(h) Terdapat dua versi kemalangan.

Jufri Khor bin Abdullah yang didakwa sebagai pemandu kenderaan tersebut, iaitu motokar No. WFT 740, telah membuat satu laporan polis No. Trafik Taiping/006695/15 bertarikh 7 November 2015 menyatakan bahawa beliau memandu motokar No. WVD 4448.

Selepas itu, Jufri Khor bin Abdullah telah membuat satu repot pembetulan melalui Trafik Taiping Repot No. 6695/15 menyatakan bahawa beliau memandu m/kar No. WFT 740 dan bukan memandu m/kar No. WVD 4448 Seorang bernama Khor Boon Keong telah membuat satu laporan polis No. Trafik Taiping/006697/15 bertarikh 7 November 2015 menyatakan bahawa beliau merupakan pemandu kenderaan tersebut iaitu motokar No, WTF 740.

Sehingga hari ini, pihak Defendan tidak mempunyai sebarang pengetahuan bahawa Khor Boon Keong telah membuat apa-apa repot pembetulan mengakui bahawa beliau adalah pemandu motokar No. WVD 4448.

13. Oleh itu, Defendan menyatakan terdapat keraguan terhadap tuntutan Plaintif dimana percanggahan ('discrepancies') dan/atau ketidakselarian ('inconsistencies') yang didedahkan hasil siasatan pihak penyiasat/penyelaras yang dilantik pihak Defendan berbandingkan dengan versi kemalangan yang melibatkan kenderaan tersebut yang dilaporkan oleh Jufri Khor bin Abdullah menunjukkan bahawa tuntutan Plaintif ini dalam kebarangkalian yang tinggi adalah suatu tuntutan yang palsu.

14. Defendan menyatakan bahawa Plaintif dan/atau Jufri Khor bin Abdullah tidak mendedahkan dan/atau memberikan fakta-fakta yang benar dan/atau betul kepada Defendan dan/atau pihak penyiasat/penyelaras yang dilantik Defendan berkenaan kerosakan kepada kenderaan tersebut yang kononnya terjadi akibat kemalangan yang didakwa itu.

[42] Oleh itu isu ini langsung tidak mempunyai asas dan ditolak.

Sama ada kemalangan itu berlaku seperti mana keterangan lisan SP2 di mahkamah

[43] Adalah menjadi prinsip di bawah undang-undang insurans, plaintif dan atau ejennya perlu bertindak dengan niat baik dalam membuat tuntutan insurans dan membuat pendedahan jujur yang penuh. Di dalam kes *Rozanes v Bowen* [1928] 2 Lloyds Rep 98 diputuskan antara lain seperti berikut;

> ... a purchaser of policy must come clean with all the facts within his knowledge to the insurer so as to avoid breach of utmost good faith (ubberima fides).

[44] SP2 di dalam keterangan lisannya di mahkamah mendakwa beliau yang memandu motokar itu telah melanggar bahagian belakang SUV itu yang dipandu oleh Khor Boon Keong. Beginilah keterangan SP2 melalui penyataan saksinya semasa pemeriksaan utama:

> 9. S. Boleh jelaskan kepada Mahkamah mengapa laporan polis dimuka surat 16 tidak betul?
>
> J: Laporan polis dimukasurat adalah tidak betul kerana ada kesilapan dari segi nama pengadu dalam kedua-dua laporan polis tersebut iaitu pada tarikh kemalangan saya yang memandu Mlkar bernombor WFT 740 dan bukannya M/kar WVD 4448 dan pada tarikh kemalangan iaitu pada 06 November 2015 M/kar saya bernombor WFT 740 yang melanggar bahagian belakang M/kar WVD 4448 dan selepas itu M/kar saya telah terbabas dan terbalik masuk ke dalam parit. Seharusnya nama pengadu di dalam Laporan Polis bernombor Trafik Taiping/006697/17 dimukasurat 15 adalah saya dan bukannya Khor Boon Keong iaitu pemandu M/kar WVD 4448.

[45] Laporan polis Trafik Taiping/006697/15 yang disebut oleh SP2 itu ialah eksh P10. Pembuat repot itu sebagaimana yang tertera di atas laporan polis itu ialah Khor Boon Keong. Namun, SP2 mengaku laporan polis itu dibuat oleh beliau. Pada jam 11.45 malam 7 November 2015, SP2 telah membuat satu laporan pembetulan melalui repot Trafik Taiping/006707/15 ('eksh P11'). Kandungan eksh 11 dibaca seperti berikut:

> Pembetulan pada Trafik Taiping Repot No. 6695/15 dimana saya nama Jufri Khor bin Abdullah memandu m/kar no WFT 740 dan bukan memandu m/kar no. WVD 4448 lain lain perkataan tidak berubah. Inilah laporan saya.

[46] Melalui eksh P11 SP2 meminda laporan polis Trafik Taiping/006695/15 (ID 15) yang mempunyai nama beliau. Khor Boon Keong melalui ID 16, iaitu Trafik Taiping/006708/15 yang dibuat pada jam 11.58 malam 7 November 2015 meminda laporan polis Trafik Taiping No 6697/15 (eksh P10) yang dibuat beliau. Oleh itu, SP2 tidak sepatutnya mengaku bahawa eksh P10 itu adalah laporan polis beliau melalui keterangan lisan di mahkamah. Ekshibit P10 itu tidak sepatutnya diterima sebagai eksibit melalui SP2 memandangkan laporan polis itu tidak dibuat oleh SP2. Laporan polis asal SP2 masih lagi Trafik Taiping/006695/15 ('ID15'). ID15 masih kekal sebagaimana kandungan asalnya. Di dalam laporan polis itu SP2 mengatakan beliau memandu SUV itu. Kedudukan ini bermakna SP2 telah

mengemukakan dua versi berkenaan kenderaan yang dipandunya ketika terlibat dengan kemalangan itu. Di dalam keterangan lisan SP2 mendakwa beliau memandu motokar, sedangkan laporan polisnya ID16 menunjukkan beliau memandu SUV itu ketika kemalangan. Tanpa keterangan Khor Boon Keong dan Meor Ramlee, anggota polis yang mengambil ID16 kecelaruan ini gagal diuraikan oleh plaintif. Adalah menjadi prinsip mantap di bawah ss 91 dan 92 Akta Keterangan 1950 bahawa seseorang saksi tidak dibenarkan memperbetulkan kenyataan bertulis asal melalui keterangan lisan di Mahkamah.

[47] Berkait *rule against parol evidence,* Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ah Mee v Public Prosecutor* [1967] 1 MLJ 220; [1967] 1 LNS 3 memutuskan seperti berikut:

> Apart from what has been stated above, there are other grounds which require that the conviction be quashed. The first is the reception of inadmissible evidence in a material particular. The complainant had clearly and unmistakably given the number of the appellant's car as M 7354 in her police report. In truth it was M 6049, whereas M 7354 belonged to a motorised grass-cutter which had become defunct since 1957. The judge, nevertheless, accepted her explanation of an honest mistake, that she was uncertain about it when the police requested her to give the number of the vehicle involved. Section 91 of the Evidence Ordinance applies equally to criminal trials, no less than to civil proceedings, and it categorically states that 'in all cases in which any matter is required by law to be reduced to the foRMof a document, no evidence shall be given in proof of the terms ... of such matter except the document itself'. The report was information relating to the commission of an offence which 'shall be reduced to writing' pursuant to s 107 of the Criminal Procedure Code (Cap 6), and s 92 of the Evidence Ordinance goes on to exclude all parole evidence seeking to contradict or vary what was set out in writing.

[48] Berdasarkan kedudukan undang-undang yang dipetik di atas SP2 tidak boleh mengelak daripada fakta bahawa beliau memandu SUV itu dan bukannya motokar itu. Di dalam keadaan tersebut tidak diketahui siapakah pemandu motokar itu ketika kemalangan itu dikatakan berlaku. Berdasarkan kedudukan itu, plaintif tidak mendedahkan fakta sebenar dengan jujurnya ketika membuat tuntutan di bawah polisi insurans yang dibeli daripada defendan yang merupakan suatu pemecahan kepada terma polisi yang mewajarkan defendan menolak tuntutan plaintif.

Sama ada defendan berjaya membuktikan tuntutan plaintif adalah frod

[49] Bukti penting yang dikemukakan oleh defendan ialah data CBS yang diambil daripada kunci motokar itu yang menunjukkan motokar itu tidak dipandu selama lapan minggu sebelum 7 November 2015. Fakta ini ditunjukkan dengan jelas di dalam ekshs D24 dan D25. Peguamcara plaintif berhujah bahawa kedua-dua laporan itu tidak boleh diterima masuk

memandangkan tiada perakuan di bawah s 90A Akta Keterangan 1950 dikemukakan. Mahkamah ini mendapati tiada keperluan untuk mengemukakan perakuan berkenaan memandangkan bagi eksh D24 beliau sendiri yang *extracted* dokumen itu daripada data CBS (*Hanafi bin Mat Hassan v Public Prosecutor* [2006] 4 MLJ 134). Peguamcara plaintif juga tiada bantahan eksh D25 dikemukakan tertakluk kepada penghujahan. SD5 telah memberi keterangan bahawa data CBS yang ada di dalam sistem komputer BMW Malaysia Sdn Bhd adalah salinan apabila kunci motokar itu dibaca di bengkel itu. Dengan kata lain, kandungan eksh D25 sama dengan kandungan eksh D24. Adalah tidak dipertikaikan eksh D25 adalah dijana oleh komputer, maka sub-s (6) kepada s 90A Akta yang sama terpakai, iaitu ianya dianggap telah dikeluarkan oleh komputer di dalam perjalanan biasanya (*Gnanasegaran a/l Pararajasingam v Public Prosecutor* [1997] 3 MLJ 1). SD4 dan SD5 mempunyai pengetahuan untuk membaca data CBS dari kunci motokar itu berdasarkan pengalaman mereka. Peguamcara plaintif tidak pernah mencabar mereka bahawa mereka tidak layak untuk menganalisa CBS data. Oleh itu, keterangan SD4 dan SD5 yang disokong oleh keterangan SD1 dan SD2 wajar diterima sebagaimana yang dilakukan oleh hakim bicara. Hakim bicara telah bertindak dengan betulnya di dalam menolak keterangan SP4 berkait dengan analisa data CBS. SP4 tidak mempunyai pengalaman dan kelayakan yang mencukupi dalam bidang penganalisaan bacaan CBS berbanding dengan SD5 yang merupakan seorang memiliki ijazah di dalam bidang *mechatronic engineering* dan tujuh tahun pengalaman sebagai *technical support engineer* dengan BMW Malaysia Sdn Bhd dan telah membuat ribuan bacaan CBS serta menjadi pakar rujuk kepada pengedar BMW untuk menyelesaikan sebarang masalah teknikal motokar jenis BMW dan MINI. Adalah jelas bahawa SD5 merupakan seorang pakar dalam erti s 45 Akta Keterangan 1950. Keterangan yang dikemukakan oleh defendan itu menunjukkan tidak mungkin motokar itu dipandu oleh SP2 pada 6 November 2015 jam 9.30 malam. Plaintif telah gagal membuktikan kemalangan itu berlaku pada tarikh dan waktu tersebut. Walaupun, SP3 mendakwa kedua-dua kenderaan tersebut terlibat di dalam kemalangan itu, namun keterangan SP3 dipenuhi dengan misteri. Di dalam keterangan lisan SP3 mengataan kenderaan-kenderaan terlibat belum diubah, sedangkan di atas rajah kasar dicatitkan kenderaan telah diubah. Kesan kemalangan yang dikatakan dilihat oleh SP3 di tempat kejadian tidak dilakar di atas rajah kasar. Yang nyata keterangan lisan SP3 di mahkamah bercanggahan dengan rajah kasar yang dilukisnya sendiri. Oleh itu, mahkamah ini bersependapat dengan dapatan hakim bicara bahawa siasatan SP3 amat lemah dan kesilapan yang berlaku tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang pegawai penyiasat, apatah lagi oleh seorang pegawai kanan polis berpangkat Inspektor. Keterangan saintifik yang ada di hadapan mahkamah tidak menyokong dapatan siasatan SP3. Natijahnya, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim bicara bahawa defendan telah berjaya membuktikan atas imbangan kebarangkalian tuntutan plaintif merupakan satu tuntutan frod *Sinnaiyah & Sons Sdn Bhd v Damai Setia Sdn Bhd* [2015] 5 MLJ 1.

A KESIMPULAN DAN KEPUTUSAN

[50] Di dalam mendengar rayuan daripada mahkamah bawahan, mahkamah yang mendengar rayuan akan amat perlahan untuk campur tangan bagi mengusik keputusan mahkamah bawah melainkan terdapat alasan yang kukuh untuk berbuat demikian. Mahkamah ini merujuk kes *Samar Binte Mansor v Mustafa Kamarul Ariffin* [1974] 2 MLJ 71; [1974] 1 LNS 147 yang memutuskan seperti berikut:

> That an appellate court ought not to interfere where the question is a pure question of fact unless it can be shown that he did not take all the circumstances and evidence into account, or that he has misapprehended certain of the evidence or that he has drawn an inference which there is no evidence to support.

[51] Mahkamah ini turut merujuk kes *Lee Hock Lai v Yeoh Wah Pein* [1999] 5 MLJ 172; [1998] 1 LNS 364 di mana Mohd Hishamudin H (kemudiannya HMR) memutuskan seperti berikut:

> It is a basic principle of law that an appellate court should be slow in disturbing a finding of fact by a lower court. But it is also the principle that an appellate court should reverse a finding of fact by the lower court if such finding is clearly against the weight of evidence.

[52] Mahkamah ini mendapati tiada sebarang salah arahan di pihak hakim bicara di dalam menolak tuntutan plaintif. Oleh itu, keputusan hakim bicara dikekalkan dan rayuan plaintif ditolak dengan kos sebanyak RM4,000 tertakluk kepada 4% alukator.

Rayuan perayu ditolak dengan kos sebanyak RM4,000 tertakluk kepada 4% alukator.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan